



Bersama-sama
Membina
Kepercayaan

Tatakelakuan



Isi Kandungan

Utusan daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif 5

Kata Pengantar daripada Ketua Pegawai Etika & Pematuhan 6



1. Kita membantu anda melakukan perkara yang betul 8

2. Kita mewujudkan suasana selamat untuk bersuara 9

3. Kita menjalankan perniagaan dengan integriti 10

3.1. Konflik kepentingan 10
3.2. Antisogokan dan antirasuah 12
3.3. Hadiah, jamuan dan hiburan 14
3.4. Sumbangan politik dan amal 16
3.5. Amalan perakaunan 18
3.6. Perdagangan orang dalam 20
3.7. Pematuhan perdagangan 22
3.8. Undang-undang antitrust dan persaingan adil 24

4. Kita menghormati orang dan menjaga alam sekitar 26

4.1. Kita menghormati semua individu 26
4.2. Kita mengutamakan kesihatan dan keselamatan 28
4.3. Kita menggalakkan Hak Asasi Manusia 30
4.4. Kita menjaga alam sekitar 32

5. Kita melindungi data, maklumat dan aset kita 34

5.1. Aset dan maklumat sulit 34
5.2. Privasi Data 36
5.3. Penggunaan media sosial 38
5.4. Kecerdasan buatan 40

6. Kita berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam segala perkara yang kita lakukan 42

7. Akauntabiliti dan sumber 43

7.1. Langkah-langkah disiplin 43
7.2. Sumber 43

Nota: Sebagaimana yang termaktub dalam Tatakelakuan, “ST” atau “Syarikat” merujuk kepada STMicroelectronics N.V. dan ahli gabungan yang dimiliki secara majoriti.



Jean-Marc Chery

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

> Etika dan integriti menjadi teras dalam setiap proses membuat keputusan kita, setiap hari, di mana sahaja dan melindungi kejayaan jangka panjang kita.

Utusan daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Di ST, kita pencipta dan pembangun teknologi semikonduktor yang menyediakan pelanggan dengan inovasi yang memberi impak positif kepada kehidupan manusia, membuka jalan ke arah dunia lebih mampan

Versi terkini Tatakelakuan kita mencerminkan komitmen terhadap budaya etika yang kukuh, yang membentuk identiti Syarikat, dengan integriti, rasa hormat, dan akauntabiliti sebagai teras dalam setiap proses membuat keputusan.

Tatakelakuan kita bukan sekadar satu set peraturan dan prinsip, tetapi mencerminkan nilai-nilai bersama yang membimbing tingkah laku dan tindakan kita setiap hari. Tatakelakuan menegaskan semula nilai-nilai yang membentuk identiti kita dan cara kita bekerjasama:

- **Integriti –** kita menjalankan perniagaan dengan piawaian etika tertinggi, menghormati komitmen kita, menunaikan janji, bersikap setia dan adil, serta mempertahankan perkara yang betul.
- **Insan –** kita bersikap terbuka, saling mempercayai dan mengamalkan kesederhanaan; kita bersedia berkongsi pengetahuan, menggalakkan sumbangan setiap individu, membangunkan pekerja kita melalui pemerkasaan, kerja berpasukan dan latihan; setiap daripada kita komited dan terlibat secara peribadi dalam proses penambahbaikan berterusan.
- **Kecemerlangan –** kita berusaha mencapai kualiti dan kepuasan pelanggan serta mencipta nilai untuk semua rakan kongsi; kita fleksibel, menggalakkan inovasi, membangunkan kecekapan kita, mengambil tanggungjawab, dan bertanggungjawab atas tindakan kita; bertindak dengan disiplin, mendasarkan keputusan pada fakta, dan memberi tumpuan kepada keutamaan.

Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk mematuhi komitmen tersebut. Melakukan perkara yang betul tidak sentiasa menjadi pilihan paling mudah, namun sentiasa merupakan pilihan yang tepat. Dengan mempertanggungjawabkan diri sendiri dan sesama rakan terhadap pematuhan piawaian etika tertinggi di setiap lokasi operasi, kita memperkukuh Syarikat, melindungi budaya serta warga kerja, dan memupuk kepercayaan semua pihak berkepentingan, termasuk pelanggan, pekerja, pembekal, rakan perniagaan, pemegang saham, dan pihak berkuasa.

Sila baca Tatakelakuan ini dengan teliti, gunakan sebagai panduan, dapatkan nasihat apabila ragu-ragu, dan jangan takut untuk bersuara sekiranya terlihat sesuatu yang tidak selaras dengan nilai kita.

Dengan meletakkan integriti, rasa hormat, dan akauntabiliti sebagai teras proses membuat keputusan, kita menyokong aspirasi, membina kejayaan mampan, dan mencipta nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan.

Saya mengharapkan setiap daripada anda menyumbang kepada kejayaan ST dengan mempromosi dan menjunjung prinsip yang digariskan dalam Tatakelakuan kita. Terima kasih atas komitmen anda.

Kata Pengantar daripada Ketua Pegawai Etika & Pematuhan

Menegakkan budaya etika yang kukuh amat penting kepada sesebuah organisasi dan menjadi asas kepada kejayaan Syarikat kita. Budaya etika membina kepercayaan dengan semua pihak berkepentingan, melindungi reputasi dan pekerja kita, menyokong pertumbuhan mampan, dan mencipta nilai jangka panjang untuk semua yang terlibat dengan perniagaan kita.

Kepercayaan merupakan asas kejayaan yang berkekalan. Kepercayaan memupuk kerja berpasukan, kerjasama dan inovasi, memperkasa setiap daripada kita untuk memberikan prestasi terbaik sambil memastikan persekitaran kerja yang selamat dan beretika untuk semua Kepercayaan hanya dapat diraih apabila kita secara konsisten bertindak dengan integriti dan menjunjung nilai serta prinsip yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini.

Saya menggalakkan anda membaca Kod Tatakelakuan kami dengan teliti, berbincang secara terbuka dengan rakan sekerja tentang Tatakelakuan ini, dan merujuk dokumen tersebut secara berkala. Ingat, *cara* kita mencapai matlamat adalah sama penting dengan keputusan yang dicapai. Tatakelakuan kita menyediakan rangka kerja untuk membimbing perjalanan profesional kita di ST, membentuk identiti Syarikat serta menetapkan jangkaan yang jelas tentang cara kita memperlakukan satu sama lain dan menjalankan perniagaan secara beretika, tanpa mengira lokasi operasi. Setiap daripada kita berkongsi tanggungjawab untuk mematuhi prinsip dan nilai tersebut, walaupun tiada siapa yang memerhati.

Walaupun Tatakelakuan (bersama dasar dan prosedur kita) tidak dapat menangani setiap situasi yang mungkin anda hadapi, Tatakelakuan ini menanamkan nilai bersama dan prinsip etika untuk membimbing anda dalam aktiviti harian dan memastikan proses membuat keputusan yang beretika. Sekiranya anda rasa tidak pasti tentang tindakan yang betul, sila hubungi pihak yang berkenaan dan dapatkan nasihat sebelum bertindak.

Sebagai Ketua Pegawai Etika & Pematuhan ST, saya komited untuk memastikan anda mempunyai panduan dan sumber yang mudah diakses dan, sekiranya sesuatu kelihatan tidak betul, saluran yang selamat untuk membangkitkan kebimbangan secara terbuka tanpa rasa takut akan tindakan balas. Pasukan kepimpinan kita menyokong sepenuhnya komitmen ini.

Kita semua memainkan peranan penting dalam memupuk persekitaran yang membolehkan setiap individu berasa dihormati, selamat dan diberi kuasa untuk melakukan perkara yang betul.

Tatakelakuan adalah wajib untuk semua pekerja ST (sama ada separuh masa, kontraktor, sementara, pelatih, pekerja jarak jauh, atau sepenuh masa) tanpa mengira peranan, fungsi atau kekananan termasuk ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Lembaga Pengarah. Kita juga mengharapkan pembekal serta rakan perniagaan lain menjunjung piawaian integriti, rasa hormat, dan akauntabiliti yang tinggi, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Terima kasih atas komitmen anda dalam membina kepercayaan dan memajukan budaya etika kita bersama.



Philippe Dereeper

Ketua Pegawai Etika & Pematuhan
dan Setiausaha Eksekutif
Lembaga Penyeliaan

Dengan memupuk dan menegakkan budaya Integriti, Rasa Hormat dan Akauntabiliti, kita membina kepercayaan bersama dan mencipta nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan.

1. Kita membantu anda melakukan perkara yang betul

Cara kita menjalankan perniagaan dan mencapai matlamat sama pentingnya dengan pencapaian matlamat itu sendiri. Kita ingin dikenali kerana membuat keputusan yang betul. Jika anda menghadapi keputusan yang mencabar atau berasa tidak pasti, dapatkan nasihat dan hubungi pihak yang berkenaan sebelum bertindak.

Sebagai panduan praktikal yang ringkas untuk membantu anda melakukan perkara yang betul, sentiasa tanya diri anda 5 soalan berikut:

1. Adakah tindakan ini sah atau mematuhi piawaian undang-undang?

Jika Ya

2. Adakah tindakan ini menegakkan nilai Syarikat kita?

Jika Ya

3. Adakah tindakan ini mematuhi Tatakelakuan Syarikat serta dasar dan prosedur yang berkuat kuasa?

Jika Ya

4. Adakah tindakan ini terasa betul? Adakah saya pasti mengenainya?

Jika Ya

5. Adakah tindakan ini akan lulus “ujian muka merah” (red face test)? Adakah tindakan ini tidak akan menjejaskan reputasi saya atau kita jika rakan sekerja, keluarga saya, atau media mengetahuinya?

Jika Ya

Anda boleh meneruskan

Jangan teruskan

Sekiranya anda tidak pasti atau tidak dapat menjawab secara positif 5 soalan tersebut, sila hubungi pihak berkenaan dan dapatkan nasihat serta panduan daripada Jabatan Etika, Pematuhan & Privasi sebelum bertindak.

Jika tidak atau tidak pasti

Panduan praktikal yang ringkas ini direka untuk menyokong anda membuat pilihan yang betul; namun, panduan ini tidak menyeluruh. Untuk keperluan dan proses terperinci mengenai cara kita menjalankan perniagaan dengan integriti di ST, sila rujuk dasar dan prosedur yang melengkapi Tatakelakuan kita. Sebagai alternatif, hubungi Jabatan Etika, Pematuhan & Privasi.

2. Kita mewujudkan suasana selamat untuk bersuara

Kita memupuk budaya kepercayaan, integriti, rasa hormat dan akauntabiliti. Program pemberi maklumat kita merupakan komponen utama budaya kita, berfungsi sebagai tiang asas dalam mengekalkan tempat kerja yang beretika dan bertanggungjawab.

Kita menggalakkan semua orang untuk menyuarakan, dengan suci hati, sebarang kebimbangan berkaitan kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan, dasar, atau undang-undang kita, melalui Talian Penting Etika yang disediakan oleh Syarikat, apabila mereka melihat atau mengesyaki sesuatu mungkin tidak betul. Talian Penting Etika membolehkan pelaporan semua kebimbangan sambil memastikan kerahsiaan dan, apabila dibenarkan oleh undang-undang, identiti pelapor dirahsiakan. Talian Penting Etika juga memastikan maklumat yang dilaporkan dikendalikan dengan selamat.

Setiap laporan diambil serius sebagai peluang untuk mengenal pasti isu yang berpotensi, dan mengukuhkan komitmen kita terhadap integriti perniagaan, rasa hormat dan akauntabiliti.


Semua pekerja ST dan pihak ketiga yang berkepentingan (contohnya pembekal pihak ketiga atau rakan perniagaan lain) harus berasa selesa untuk bersuara. Kita menggalakkan pekerja ST dan pihak berkepentingan menyuarakan kebimbangan mereka secara terbuka dan jujur, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas. Setiap kebimbangan yang dibangkitkan dengan niat baik akan dinilai dan, jika sesuai, boleh membawa kepada pembukaan siasatan bebas. Maklum balas yang sewajarnya dan tepat pada masanya juga akan diberikan kepada pelapor yang menyuarakan kebimbangan.

Kita mempunyai sikap sifar toleransi terhadap sebarang bentuk tindakan balas. Mana-mana pekerja ST atau pihak ketiga yang berkepentingan yang percaya bahawa mereka telah dikenakan tindakan balas harus segera melaporkan kebimbangan tersebut kepada Talian Penting Etika dan/atau kepada jabatan Etika, Pematuhan & Privasi.

Kita menggalakkan anda bersuara jika anda merasakan sesuatu tidak betul atau menyaksikan perbuatan salah atau salah laku. Talian Penting Etika kita tersedia 24/7 melalui telefon atau dalam talian. Mari kita mengekalkan dan mempromosikan budaya yang membolehkan etika dan integriti membimbing kelakuan perniagaan kita, tidak kira lokasi operasi, serta terus bekerjasama untuk menjunjung budaya integriti, rasa hormat, dan akauntabiliti yang melindungi pekerja, perniagaan, dan reputasi ST.

Terima kasih kerana mempercayai kita sepanjang proses ini.

Kita memupuk budaya kepercayaan, integriti, rasa hormat dan akauntabiliti.



3. Kita menjalankan perniagaan dengan integriti



3.1. Konflik kepentingan

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi seorang pekerja — seperti kewangan, profesional, keluarga, percintaan, persatuan, budaya, atau amal — boleh mengganggu pertimbangan, tindakan, atau kegagalan bertindak mereka semasa bekerja untuk ST. Apabila situasi konflik kepentingan timbul (sama ada sebenar, berpotensi, atau sekadar menimbulkan penampilan konflik kepentingan), perkara tersebut mesti dilaporkan dan didedahkan kepada Syarikat dengan segera supaya dapat dinilai dan diuruskan dengan sewajarnya. Kita tidak membenarkan kepentingan peribadi atau kepentingan lain mengganggu keputusan perniagaan kita atau kepentingan Syarikat.

Kita mesti sentiasa memastikan kepentingan peribadi pekerja didedahkan secara telus dan tidak bercanggah dengan kepentingan ST. Contoh konflik kepentingan termasuk:

- Hubungan peribadi: situasi yang melibatkan hubungan peribadi, seperti hubungan keluarga atau percintaan, boleh mempengaruhi keputusan perniagaan.
- Kepentingan kewangan: memegang kepentingan kewangan dalam pesaing, pembekal, atau pelanggan yang boleh menjejaskan keputusan perniagaan.
- Pekerjaan luar: terlibat dalam pekerjaan luar atau aktiviti perniagaan yang boleh bercanggah dengan tanggungjawab dan kewajipan kesetiaan pekerja kepada Syarikat.

Setiap pekerja mesti mendedahkan sebarang situasi konflik kepentingan yang sebenar, berpotensi atau dianggap wujud kepada Syarikat dengan segera supaya penilaian dan pengurusan yang sesuai dapat dilakukan apabila diperlukan. Mendedahkan dan mengurus konflik kepentingan secara telus membina kepercayaan dan keyakinan di kalangan pekerja, pelanggan, dan rakan perniagaan, serta memupuk hubungan yang kukuh dan positif. Walaupun konflik kepentingan mungkin timbul dalam situasi tertentu, perkara utama adalah menanganinya dengan ketelusan dan akauntabiliti.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita mendedahkan dengan segera dan proaktif sebarang konflik kepentingan, sama ada sebenar, berpotensi atau dianggap wujud.
- Kita kerap menyediakan latihan dan/atau sesi kesedaran untuk pekerja bagi membantu mereka mengenal pasti serta menangani konflik kepentingan dengan sewajarnya.
- Kita mendapatkan panduan daripada Jabatan Etika, Pematuhan & Privasi apabila timbul keraguan dalam mengenal pasti dan mengurus konflik kepentingan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk dasar Konflik Kepentingan kita.

Kita tidak membenarkan kepentingan peribadi mengganggu keputusan perniagaan kita atau kepentingan terbaik STMicroelectronics.



PENGAMALAN



Soalan:

Seorang rakan menawarkan anda, pekerjaan kedua sebagai perunding dengan sebuah syarikat permulaan baharu yang perniagaannya tidak bersaing secara langsung dengan ST. Anda sedang mempertimbangkan untuk menerima tawaran itu tanpa memaklumkan ST. Adakah tindakan tersebut sesuai?

Jawapan:

Terlibat dalam aktiviti perniagaan luar, seperti kerja perundingan, boleh mewujudkan situasi yang menjadikan kesetiaan anda terbahagi, mungkin terbahagi, atau kelihatan terbahagi. Tidak semua penglibatan luar mewujudkan konflik kepentingan, tetapi konflik boleh timbul. Oleh itu, sebelum menerima tawaran, anda mesti mendedahkan sebarang penglibatan luar kepada ST untuk penilaian terlebih dahulu.

Soalan:

Seorang pembeli sedang menjalankan rundingan dengan sebuah syarikat pihak ketiga yang diiktiraf atas kepakarannya dalam bidang tersebut. Kakak pembeli berkhidmat sebagai pengurus jualan di syarikat yang sama. Apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh pembeli?

Jawapan:

Walaupun tiada sebarang kelebihan peribadi terlibat, situasi ini tetap mewakili konflik kepentingan dan menimbulkan risiko kesetiaan terbahagi, yang boleh menjejaskan kepentingan Syarikat serta reputasi pekerja. Pembeli perlu melaporkan dan mendedahkan situasi ini kepada ST serta mengundurkan diri daripada perbincangan dengan bakal pembekal tersebut. Penting untuk memastikan semua keputusan perolehan dibuat berdasarkan merit dan demi kepentingan terbaik Syarikat, bebas daripada kepentingan atau keuntungan peribadi.

3.2. Antisogokan dan antirasuah

Kita mempunyai sikap sifar toleransi terhadap sebarang bentuk sogokan atau rasuah. Kita tidak menerima, menawarkan, meluluskan, atau memberi wang, perkhidmatan, keistimewaan, atau hadiah untuk memperoleh kelebihan perniagaan yang tidak wajar daripada mana-mana pihak, termasuk kerajaan, syarikat lain, atau pihak lain

Rasuah dalam apa jua bentuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada rasuah, bayaran memudahcara, pengaruh perdagangan, dan lain-lain, sama ada dilakukan oleh pekerja ST atau rakan perniagaan yang bertindak untuk atau bagi pihak ST, sama ada secara langsung atau tidak langsung, tidak boleh diterima dalam amalan perniagaan kita. ST melarang sama sekali semua pembayaran pemudahan, tanpa mengira adat atau amalan tempatan. Contoh pembayaran pemudahan termasuk bayaran untuk mempercepatkan perkhidmatan kerajaan tertentu (seperti permit, lesen, pelepasan kastam) dan bayaran dorongan untuk mempercepatkan proses pentadbiran.

Rasuah boleh bersifat aktif atau pasif, langsung atau tidak langsung, tetapi dalam semua kes, perbuatan ini menyalahi undang-undang dan merupakan kesalahan jenayah:

- **Rasuah aktif** merupakan tindakan menawarkan, menjanjikan, atau membayar rasuah kepada seseorang.
- **Rasuah pasif** berlaku apabila seseorang meminta, bersetuju untuk menerima atau menerima rasuah daripada seseorang.
- **Rasuah langsung** berlaku apabila individu yang terlibat secara peribadi menawarkan, memberi, meminta atau menerima rasuah.
- **Rasuah tidak langsung** berlaku apabila rasuah dilakukan melalui perantara, ejen, atau rakan perniagaan untuk menyembunyikan penglibatan atau memudahkan tindakan rasuah.

Walaupun rasuah boleh berlaku di semua negara, sektor, dan profesion, sesetengah negara, individu, dan aktiviti lebih terdedah kepada risiko ini dan memerlukan tahap kewaspadaan yang lebih tinggi.

Selain itu, kita mesti lebih berhati-hati apabila berurusan dengan pegawai awam atau pegawai kerajaan, yang tertakluk kepada peraturan dan sekatan tertentu. Istilah "pegawai awam" atau "pegawai kerajaan" secara umum merangkumi:

- Pegawai, pekerja atau agensi kerajaan, atau organisasi antarabangsa;
- Individu yang bertindak bagi pihak mana-mana agensi kerajaan atau organisasi antarabangsa awam;
- Pegawai atau pekerja syarikat milik kerajaan atau syarikat yang dikawal oleh kerajaan;
- Ahli atau pekerja parti politik, atau calon bagi jawatan awam;
- Ahli keluarga diraja atau keluarga pemerintah.

Sebarang bentuk sogokan atau rasuah dilarang sama sekali, tanpa mengira status penerima.

Jika terdedah kepada sebarang permintaan atau tawaran yang boleh dianggap sebagai sogokan atau rasuah– sama ada secara langsung atau tidak langsung, aktif atau pasif – pekerja mesti segera melaporkan perkara tersebut kepada Syarikat, contohnya, melalui jabatan Etika, Pematuhan & Privasi atau Talian Penting Etika.

Menegakkan piawaian antisogokan dan antirasuah dengan mematuhi undang-undang dan peraturan antirasuah yang terpakai di negara tempat kami beroperasi adalah selaras dengan nilai kami dan meningkatkan reputasi kami sebagai pemain perniagaan yang boleh dipercayai. Hasilnya, keputusan perniagaan dibuat secara telus dan berdasarkan merit, bagi melindungi aset dan reputasi kita serta menyokong kejayaan jangka panjang Syarikat.

Kita memilih rakan perniagaan dengan cermat. Apabila menjalin hubungan perniagaan, kita memastikan semua rakan kongsi kita menghormati dan menyokong nilai kita serta telah mengamalkan piawaian kelakuan perniagaan yang serupa. Ini termasuk menjalankan pemeriksaan wajar terhadap pihak ketiga sebelum terlibat dalam sebarang hubungan perniagaan untuk menilai sama ada mereka menjunjung prinsip etika yang serupa.

Rakan perniagaan, termasuk pembekal langsung dan tidak langsung, pelanggan, dan pihak berkepentingan lain, memainkan peranan penting dalam operasi kita, dan kita berusaha untuk memastikan mereka selaras dengan piawaian integriti, kualiti, dan amalan perniagaan beretika. Kita juga mengharapkan rakan perniagaan kita melaporkan sebarang kebimbangan yang mereka hadapi.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk dasar Antisogokan dan Antirasuah kita.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita


APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita melaksanakan dan menguatkuasakan dasar sifar toleransi terhadap sogokan dan rasuah.
- Kita mematuhi undang-undang dan peraturan antisogokan dan antirasuah yang terpakai.
- Kita menilai risiko berkaitan sogokan dan rasuah serta mengurangkannya melalui pelbagai aktiviti, seperti pemantauan, kawalan perakaunan dan bukan perakaunan, serta aktiviti pengauditan.
- Kita kerap menyediakan latihan dan/ atau sesi kesedaran kepada pekerja yang terdedah bagi mengenali serta mencegah sogokan dan rasuah.
- Kita menjalankan usaha wajar menyeluruh terhadap pihak ketiga untuk memastikan kita menjalankan perniagaan dengan dan melalui pihak ketiga yang bereputasi, meminta mereka komited kepada piawaian antisogokan dan antirasuah.
- Kita meminta pihak ketiga kita melaksanakan langkah-langkah antisogokan dan antirasuah.
- Kita kerap mengkaji keberkesanan program antisogokan dan antirasuah kita serta menyesuaikannya untuk memastikan program tersebut kekal berkesan.

Sifar

toleransi terhadap sogokan dan rasuah



PENGAMALAN



Soalan:

Seorang pekerja berkeras untuk memilih penyedia perkhidmatan tertentu dengan segera, tanpa mengikut proses pembidaan biasa dan prosedur yang ditetapkan. Pekerja lain memerhatikan situasi tersebut dan mengesyaki bahawa pemohon mungkin menerima faedah sebagai balasan untuk memberikan kerja kepada pembekal tertentu tersebut. Apakah yang perlu dilakukan oleh pekerja lain?

Jawapan:

Kita mesti mengenal pasti dan mengelakkan semua situasi yang boleh dianggap sebagai menawarkan, menjanjikan, memberi, atau menerima sebarang bentuk kelebihan – sama ada kewangan atau sebaliknya – sebagai balasan untuk faedah yang tidak wajar. Pekerja lain perlu melaporkan situasi tersebut menggunakan saluran pelaporan sedia ada.

Soalan:

Adakah dibenarkan bagi seorang pekerja meminta pegawai kerajaan, dengan siapa mereka mempunyai hubungan peribadi, untuk mempercepatkan kelulusan permit, walaupun tiada pertukaran wang berlaku?

Jawapan:

Tidak, tindakan tersebut dianggap sebagai pengaruh perdagangan dan melanggar Tatakelakuan ST. Menggunakan hubungan peribadi untuk mendapatkan layanan keutamaan menjejaskan kesaksamaan dan ketelusan. Semua interaksi dengan pegawai awam mesti dijalankan secara telus dan adil, selaras dengan undang-undang yang terpakai dan dasar Syarikat.

3.3. Hadiah, jamuan dan hiburan

Hadiah, jamuan, dan hiburan boleh menjadi amalan biasa untuk memajukan hubungan perniagaan yang baik dan secara amnya boleh diterima selagi munasabah, sesuai dan diberikan tanpa sebarang niat tidak wajar untuk mempengaruhi keputusan, mewujudkan kewajipan atau mengakibatkan konflik kepentingan. Hadiah, jamuan, dan hiburan tidak boleh diberikan atau ditawarkan dengan jangkaan menerima sesuatu sebagai balasan, kerana tindakan tersebut boleh dianggap sebagai mewujudkan situasi konflik kepentingan atau percubaan sogokan dan rasuah. Oleh itu, pekerja ST mesti sentiasa melaporkan sebarang pemberian sedemikian secara telus kepada Syarikat.

Hadiah, jamuan, dan hiburan merujuk kepada sebarang barang bernilai munasabah atau layanan yang diberikan kepada atau diterima daripada rakan perniagaan, pembekal, pelanggan, atau pihak ketiga lain, tanpa bayaran munasabah dibayar sebagai balasan oleh penerima. Kita boleh menawarkan atau menerima hadiah, jamuan, dan hiburan yang mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai, dengan syarat selaras dengan dasar kita, serta dengan dasar penerima.

Hadiah, jamuan, dan hiburan yang ditawarkan atau diterima mesti sentiasa:

- **Munasabah**: dari segi jumlah dan kekerapan, mengambil kira kedudukan penerima, serta berkadar dengan majlis (mempertimbangkan lokasi, sektor dan tahap kekananan penerima).
- **Sesuai**: diberikan dengan tujuan perniagaan yang sah, mengambil kira sifat hadiah (jenis, nilai, dan kesesuaian dengan piawaian profesional dan etika), serta masa pemberiannya (contohnya, bukan semasa proses pembidaan), selaeas dengan amalan undang-undang dan adat.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita bersikap telus dan kita mendedahkan kepada Syarikat, sebarang hadiah, jamuan dan hiburan yang ditawarkan, diterima atau ditolak.
- Kita menilai sendiri sama ada hadiah, jamuan dan hiburan boleh dianggap sebagai percubaan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan, dan oleh itu, tidak sesuai.
- Kita hanya menerima atau memberi hadiah, jamuan dan hiburan yang sesuai dan munasabah dari segi nilai.
- Kita tidak memberi atau menerima apa-apa yang tidak selesa kita bincangkan dengan rakan sekerja atau rakan.
- Kita sentiasa mempertimbangkan: adakah hadiah, jamuan, atau hiburan itu mempunyai tujuan perniagaan yang sah? Adakah hadiah bersahaja atau boleh mewajibkan penerima untuk membalas? Adakah hadiah ditawarkan sekitar tempoh sensitif (contohnya, proses pembidaan)?
- Kita tidak sekali-kali mengharapkan sebarang balasan untuk hadiah, jamuan dan hiburan yang diterima atau ditawarkan.
- Apabila ragu-ragu tentang kesesuaian sebarang hadiah, jamuan, atau hiburan, kita mendapatkan nasihat.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk prosedur Hadiah, Jamuan dan Hiburan kita.

Hadiah, jamuan, dan hiburan tidak boleh diberikan atau ditawarkan dengan jangkaan menerima sesuatu sebagai balasan.

- **Telus** diberikan secara terbuka, dengan pendedahan yang sewajarnya mengikut dasar Syarikat, memastikan keterlihatan penuh dan dokumentasi yang lengkap.
- **Tanpa niat tidak wajar:** diberikan tanpa mengharapkan sebarang balasan dan bebas daripada sebarang niat untuk mempengaruhi keputusan secara tidak adil atau memperoleh kelebihan yang tidak wajar.

Kita tidak terlibat dalam pemberian hadiah, jamuan, dan hiburan yang boleh menjejaskan keputusan perniagaan yang adil dan bebas atau yang mungkin – atau dianggap sebagai – konflik kepentingan, kelebihan tidak wajar atau rasuah.

Selain itu, beberapa jenis barang tidak pernah sesuai dan oleh itu, sentiasa dilarang, disebabkan sifatnya:

- Wang tunai atau bersamaan tunai (contohnya, baucar, sijil hadiah, atau kad hadiah).
- Barang haram (contohnya, senjata, dadah, dan lain-lain).
- Barang tidak sesuai (contohnya, sebarang barangan bersifat seksual).
- Barang mewah atau terlampau mahal (contohnya, perjalanan percuma sepenuhnya ke destinasi eksotik, keahlian kelab negara eksklusif, dan lain-lain).

Akhir sekali, hadiah, jamuan dan hiburan kepada Pegawai Awam atau Pegawai Kerajaan adalah sangat sensitif dan oleh itu, tidak dibenarkan (sebarang pengecualian, jika ada, memerlukan penilaian terlebih dahulu dan kebenaran bertulis daripada jabatan Etika, Pematuhan & Privasi).

PENGAMALAN

Soalan:

Semasa proses pembidaan, bakal pembekal mencadangkan bahawa mereka boleh menawarkan anda dan pasangan anda percutian hujung minggu dengan semua kos ditanggung. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Tolak hadiah/tawaran dan segera laporkan kejadian itu kepada Pengurus barisan anda serta jabatan Etika, Pematuhan & Privasi.

Soalan:

Seorang pembekal menjemput pasukan projek yang terlibat dalam projek jangka panjang untuk makan malam, bagi mengiktiraf kejayaan kerjasama. Adakah tindakan itu boleh diterima?

Jawapan:

Ya, menganjurkan makan malam projek selepas kejayaan menyiapkan projek secara amnya boleh diterima. Namun, jemputan sedemikian daripada pembekal tidak boleh dijangka, diminta atau dianggap perlu untuk mengekalkan hubungan. Jemputan harus munasabah, jarang berlaku, dan jelas tidak berkaitan dengan sebarang keputusan perniagaan semasa atau akan datang. Jika anda tidak pasti atau terdapat pertimbangan lain yang perlu diambil kira (contohnya, rundingan sedang berjalan, tender aktif, atau nilai jemputan), dapatkan nasihat sebelum meneruskan.


3.4. Sumbangan politik dan amal

ST kekal neutral dalam proses politik dengan tidak menyediakan dana Syarikat, sumber atau masa untuk tujuan politik. Walaupun pekerja ST bebas menyatakan pandangan peribadi mereka, perlu diingat bahawa pandangan tersebut harus bersifat peribadi dan tidak mewakili ST atau pengurusannya. Jika pekerja terlibat dalam aktiviti politik, seperti menghantar e-mel, surat, atau menyumbang masa, wang, atau sumber kepada tujuan dan calon politik, Syarikat harus kekal terpisah.

ST tidak membuat sumbangan atau derma politik dan oleh itu, mematuhi undang-undang yang mengawal selia dan mengehadkan interaksi yang boleh dijalankan oleh korporat dalam mana-mana proses politik.

Kita menyokong badan amal, usaha kemanusiaan dan aktiviti filantropi. Walau bagaimanapun, kita menjalankan usaha wajar integriti perniagaan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang sumbangan amal atas nama Syarikat. Kadang-kadang, apa yang dianggap sebagai badan amal yang sah mungkin berkaitan dengan tujuan politik atau digunakan sebagai saluran untuk rasuah.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk prosedur Derma, Pengumpulan Dana dan Tajaan kita.



Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita tidak menggunakan dana, masa, atau sumber Syarikat untuk tujuan politik.
- Kita menghormati pandangan politik peribadi pekerja tetapi memisahkannya daripada Syarikat.
- Kita menyokong aktiviti amal dengan menjalankan usaha wajar bagi memastikan aktiviti tersebut sah dan beretika.

Selaras dengan undang-undang dan peraturan, ST kekal neutral dengan tidak menyediakan dana, sumber, atau masa untuk tujuan politik.



PENGAMALAN



Soalan:
Anda diminta membuat sumbangan kepada calon politik bagi pihak ST. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:
Tolak dengan sopan, terangkan bahawa ST tidak terlibat dalam sumbangan politik dan membuat sumbangan sedemikian bagi pihak ST melanggar dasar Syarikat. Segera laporkan permintaan yang diterima kepada jabatan Etika, Pematuhan & Privasi.

Soalan:
Untuk mendapatkan keputusan yang menggalakkan daripada Pegawai Awam, seorang pekerja mempertimbangkan untuk membuat sumbangan kepada organisasi bukan untung yang diketahui berkaitan dengan Pegawai Awam tersebut. Apakah yang perlu dilakukan?

Jawapan:
Memilih organisasi bukan untung yang berkaitan dengan Pegawai Awam, untuk mendapatkan keputusan yang menggalakkan, merupakan konflik kepentingan dan satu bentuk rasuah. Tindakan tersebut melanggar Tatakelakuan ST. Sesiapa yang menyedari atau mengesyaki tingkah laku sedemikian mesti segera melaporkan insiden tersebut kepada Talian Penting Etika atau kepada jabatan Etika, Pematuhan & Privasi. Penting untuk memastikan semua keputusan dibuat secara telus dan beretika, bebas daripada sebarang pengaruh tidak wajar atau keuntungan peribadi.

3.5. Amalan perakaunan

Mengekalkan rekod kewangan dan bukan kewangan yang tepat dan komprehensif di negara tempat kita beroperasi merupakan asas untuk mematuhi undang-undang serta memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan lain. Penyimpanan rekod dan tugas perakaunan lain dijalankan selaras dengan rangka kerja perakaunan kebangsaan dan peraturan cukai yang terpakai dalam setiap bidang kuasa, mengikuti dasar dan prosedur korporat yang diseragamkan.

Pelaporan kewangan dan bukan kewangan tepat pada masanya mesti dijalankan selaras dengan rangka kerja pelaporan yang terpakai dan mematuhi keperluan kawal selia, untuk membina kepercayaan dengan pemegang saham, pelabur dan pihak berkepentingan lain. Kita mesti menyediakan pengguna maklumat kewangan kita dengan satu set penyata kewangan berkualiti tinggi, yang mencerminkan secara adil kedudukan kewangan kita pada tarikh pelaporan dan secara objektif menggambarkan prestasi ekonomi kita sepanjang tempoh pelaporan tertentu selaras dengan rangka kerja pelaporan kewangan yang terpakai.

Sebagai syarikat awam, kita menyedari tanggungjawab kita untuk menyediakan maklumat yang jelas dan tepat pada masanya mengenai prestasi kewangan dan ekonomi, serta hala tuju strategik kita. Kita berhasrat untuk membina hubungan yang kukuh dan berkekalan dengan pemegang saham kita berdasarkan integriti, akauntabiliti dan tadbir urus korporat yang kukuh.

Kita bergantung pada kawalan dalaman ke atas pelaporan kewangan, dengan menetapkan kawalan dan prosedur pendedahan yang berkesan, bagi memastikan semua transaksi ekonomi, kontrak dan kewangan disampaikan dengan segera, diberi kuasa dengan betul, dan dilaporkan tepat pada masanya. Perkara tersebut termasuk menyediakan penyata kewangan dan mengeluarkan maklumat kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan adil tentang kedudukan kewangan dan prestasi ekonomi Syarikat.

Pelaporan luaran kita juga mengintegrasikan maklumat bukan kewangan dengan tujuan mencapai tahap kualiti yang sama seperti maklumat kewangan yang disampaikan kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan lain. Kita menyediakan pendedahan telus mengenai metrik ESG (Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus) (selaras dengan Piawaian Pelaporan Kelestarian Eropah dan mengikut Arahan Pelaporan Kelestarian Korporat).

Kita mematuhi piawaian dan dasar perakaunan yang terpakai, serta undang-undang dan peraturan yang digubal, memastikan semua maklumat kewangan dan bukan kewangan didedahkan secara jelas dan konsisten.



Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita mematuhi piawaian perakaunan, undang-undang, dan peraturan yang terpakai.
- Kita memastikan semua laporan kewangan dan bukan kewangan adalah tepat, lengkap, dan menunjukkan dengan tepat kedudukan kewangan, prestasi ekonomi dan prestasi serta objektif bukan kewangan kita.
- Kita melaksanakan kawalan dalaman untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan pelaporan kewangan dan bukan kewangan.
- Kita terlibat dengan pemegang saham secara bertanggungjawab dan beretika, menyediakan maklumat yang selaras dengan keperluan pendedahan undang-undang, kawal selia dan korporat.
- Kita menjalankan audit dan semakan berkala, termasuk keberkesanan kawalan dalaman kita ke atas pelaporan kewangan, untuk menegakkan tadbir urus korporat dan akauntabiliti yang kukuh.

Kita menyimpan rekod kewangan dan bukan kewangan yang tepat dan komprehensif bagi mencerminkan prestasi kita dengan setia pada setiap masa.

PENGAMALAN



Soalan:

Anda seorang pekerja dalam jualan dan mempunyai bulan yang cemerlang jauh melebihi objektif jualan anda. Satu kontrak besar baru sahaja ditandatangani, dan anda berfikir untuk tidak memprosesnya sehingga minggu depan supaya dikira untuk kuota jualan bulan depan. Anda berpendapat tindakan ini tidak mengapa kerana Syarikat masih menjalankan perniagaan, dan anda tidak sepatutnya dihukum kerana mendapatkan perniagaan baharu lebih awal. Adakah tindakan ini tidak wajar?

Jawapan:

Tidak. Semua transaksi kita mesti direkodkan dengan betul dan tepat pada masanya. Anda dikehendaki memproses kontrak mengikut prosedur standard tanpa menangguhkannya sehingga minggu depan. Kejayaan kita bergantung pada ketepatan dan kesegeraan masa maklumat, dan setiap orang mesti menyumbang untuk mengekalkan amalan perakaunan yang betul.

Soalan:

Anda menerima permintaan untuk mengubah data kewangan bagi memenuhi sasaran suku tahunan jabatan anda. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Tolak permintaan tersebut dan segera laporkan insiden itu kepada Talian Penting Etika. Mengubah data kewangan tidak beretika, menyalahi undang-undang dan melanggar dasar Syarikat.

3.6. Perdagangan orang dalam

Kita merahsiakan maklumat bukan awam yang penting, dan mematuhi undang-undang serta peraturan perdagangan orang dalam yang terpakai bagi menyumbang kepada perlindungan integriti pasaran kewangan. Kita bertujuan untuk mencegah penggunaan haram maklumat bukan awam yang penting dan kita menentang penyalahgunaan maklumat orang dalam yang berkaitan perdagangan sekuriti.

Maklumat orang dalam mesti dirahsiakan sepenuhnya. Pekerja yang memiliki maklumat tersebut dilarang berdagang atau cuba berdagang sekuriti semasa memiliki maklumat bukan awam yang penting. Pekerja dilarang mengesyorkan atau mendorong orang lain untuk berdagang sekuriti berdasarkan maklumat bukan awam yang penting (tipping).

Perdagangan orang dalam melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti berdasarkan perkongsian maklumat bukan awam yang penting dan tepat mengenai syarikat, sama ada melibatkan ST atau rakan perniagaan lain, seperti pembekal, pelanggan, atau pesaing. Perdagangan orang dalam termasuk mengesyorkan atau mendorong orang lain untuk berdagang sekuriti berdasarkan maklumat bukan awam yang penting.

Maklumat bukan awam yang penting merujuk kepada maklumat «bersifat tepat» yang belum diumumkan kepada umum atau belum diketahui umum, dan oleh itu mesti dirahsiakan. Jika didedahkan, maklumat tersebut berkemungkinan digunakan untuk membuat keputusan pelaburan (contohnya, menjual atau membeli saham).

Dalam menjalankan tugas kerja, kita boleh terdedah kepada maklumat orang dalam yang belum diumumkan kepada umum atau belum diketahui umum dan yang boleh memberi kesan kepada harga saham ST atau saham syarikat lain.

Penalti kerana terlibat dalam perdagangan orang dalam boleh menjadi teruk, termasuk denda dan penjara.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk dasar Perdagangan Orang Dalam kita.

Kita merahsiakan semua maklumat bukan awam dengan ketat dan melarang penggunaannya dalam perdagangan.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN

- Kita merahsiakan maklumat bukan awam yang penting dan berhati-hati dengan apa yang kita katakan atau kongsi.
- Kita menahan diri daripada menggunakan maklumat orang dalam tentang ST atau syarikat lain dalam sebarang transaksi.
- Sekiranya ragu-ragu, kita mendapatkan nasihat dan berunding dengan pejabat Penasihat Undang-undang atau pejabat Ketua Pegawai Etika & Pematuhan.



PENGAMALAN

Soalan: Pesanan besar baru sahaja diterima, dan anda diberitahu, "rupanya syarikat XYZ akan melancarkan produk baharu yang akan mengubah landskap pasaran Saya yakin syarikat tersebut akan memperoleh keuntungan besar apabila produk ini memasuki pasaran pada suku tahun hadapan." Anda memerhati pasaran saham dan sebelum ini memang bercadang untuk membeli saham syarikat XYZ. Memandangkan anda tidak akan berdagang saham ST, adakah boleh diterima untuk membeli beberapa saham syarikat XYZ?

Jawapan: Tidak, kerana maklumat tersebut bukan maklumat awam, dan pemegang saham biasa boleh dipengaruhi dalam membuat keputusan untuk menjual atau tidak, yang akan dianggap sebagai perdagangan orang dalam. Sebagai sebahagian daripada tugas kita, kita mungkin terdedah kepada maklumat sulit berkaitan syarikat lain dan/atau rakan perniagaan. Kita tidak boleh menggunakan sebarang maklumat sulit yang diperoleh daripada pihak ketiga sebagai asas untuk memulakan sebarang transaksi, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Soalan: Anda merupakan sebahagian daripada rundingan berkaitan satu transaksi perniagaan penting. Transaksi tersebut akan mewakili peluang kritikal yang berkemungkinan disambut baik oleh pasaran. Pada hujung minggu, anda berkongsi maklumat tersebut dengan sepupu anda, yang anda ketahui mungkin berdagang di pasaran. Adakah tindakan tersebut dianggap sebagai perdagangan orang dalam?

Jawapan: Ya, tindakan tersebut merupakan perdagangan orang dalam. Usaha sama seperti penggabungan atau pengambilalihan boleh dianggap sebagai maklumat bukan awam yang penting. Maklumat sedemikian bersifat sensitif kerana boleh menjejaskan harga saham syarikat dengan ketara sebaik sahaja didedahkan. Berkongsi maklumat tersebut dengan saudara anda, walaupun tanpa manfaat peribadi secara langsung kepada anda, adalah dilarang sama sekali. Dengan berkongsi maklumat tersebut, tindakan berkenaan membolehkan pihak berkenaan melakukan dagangan berdasarkan maklumat sulit yang tidak diketahui orang awam, dan melanggar undang-undang perdagangan orang dalam serta dasar Syarikat.

3.7. Pematuhan perdagangan

Kita mematuhi undang-undang dan peraturan perdagangan antarabangsa yang terpakai. Dalam apa jua keadaan, ST tidak akan terlibat secara sedar atau menyokong sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang tersebut.

Pematuhan perdagangan merujuk kepada pelaksanaan set undang-undang dan peraturan yang mengawal import, eksport dan pemindahan barangan, perkhidmatan serta teknologi. Ini bermaksud mematuhi undang-undang kawalan eksport (termasuk peraturan mengenai barangan, teknologi dan perkhidmatan dwiguna), sekatan dan peraturan kastam serta keperluan berkaitan perdagangan lain yang direka untuk mencegah transaksi tanpa kebenaran dan memastikan perdagangan antarabangsa yang sah. Pelanggaran undang-undang dan peraturan boleh membawa kepada pendakwaan jenayah terhadap syarikat dan individu. Kita tidak menjalankan perniagaan dengan pihak ketiga atau negara yang tertakluk kepada sekatan atau embargo atau yang dilarang melakukan transaksi antarabangsa. Kita memastikan pekerja ST yang terlibat dalam aktiviti sedemikian berpengetahuan dan terlatih mengenai peraturan dan kawal selia yang berkaitan.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk dasar Pematuhan Perdagangan kita.



Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita menetapkan dan menguruskan secara proaktif dasar serta prosedur pematuhan perdagangan.
- Kita menyediakan pengawasan import dan eksport, panduan strategik dan latihan.
- Kita menjalankan usaha wajar terhadap rakan perniagaan.
- Kita memastikan ketepatan klasifikasi produk untuk tujuan import dan eksport bagi memenuhi keperluan peraturan.
- Kita menjalankan penilaian risiko secara berkala di peringkat rantaian bekalan dan operasi global.

Kita mematuhi undang-undang dan peraturan perdagangan yang terpakai.

PENGAMALAN



Soalan:
Anda menerima pertanyaan daripada pihak ketiga di negara yang dikenakan sekatan. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:
Jangan terlibat dalam sebarang perdagangan atau aktiviti komersial dengan pihak ketiga yang terletak di negara yang dikenakan sekatan atau tersenarai dalam senarai sekatan. Terlibat dalam perdagangan dengan negara yang dikenakan sekatan boleh mengakibatkan penalti undang-undang yang berat. Anda harus segera melaporkan kepada pengurusan anda dan Jabatan Pematuhan Perdagangan Global.

Soalan:
Anda tidak pasti sama ada sesuatu produk terhad atau dilarang untuk dihantar. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:
Sahkan sama ada produk tersebut mempunyai nombor pengelasan kawalan eksport yang ditetapkan padanya atau tidak. Langkah ini boleh digunakan untuk menentukan sama ada lesen eksport diperlukan ke negara destinasi. Sekiranya ragu-ragu, dapatkan panduan daripada Jabatan Pematuhan Perdagangan Global kita.

3.8. Undang-undang antitrust dan persaingan adil

Kita bersaing secara adil dan jujur, berusaha untuk mengekalkan persaingan bebas dan tidak terjejas, selaras dengan undang-undang yang terpakai.

Perniagaan bersaing berdasarkan harga, kualiti dan/atau perkhidmatan, untuk memenangi pelanggan baharu dan pasaran baharu. Apabila perniagaan berpakat dan tidak bersaing, pelanggan tidak akan mendapat produk terbaik pada harga terbaik. Pakatan sulit boleh mengambil bentuk pertukaran maklumat sensitif dengan pesaing, penetapan harga, perkongsian pasaran, penyelarasan syarat komersial, atau manipulasi bidaan. Kita tidak terlibat dalam tindakan sedemikian untuk memenangi atau mengekalkan perniagaan.

Perjanjian antipersaingan merosakkan kejayaan jangka panjang dan pasaran tempat kita beroperasi serta dikenakan hukuman berat oleh pihak berkuasa. Tiada keuntungan jangka pendek yang berbaloi untuk merosakkan reputasi kita atau kepercayaan pelanggan terhadap kita. Kita mentakrifkan strategi perniagaan kita secara autonomi dan terlibat dalam amalan yang menggalakkan persaingan adil.

Kita memantau dengan teliti maklumat yang dikongsi bagi memastikan tidak berlaku penjajaran mengenai sebarang perkara atau perkongsian maklumat sensitif. Kita perlu mengelakkan walaupun sekadar tanggapan terlibat dalam kelakuan antipersaingan.

Untuk mendapatkan panduan lanjut, sila rujuk dasar Antitrust kita.


Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita mempromosikan persaingan adil dan bebas.
- Kita bersaing dengan cara yang betul.
- Kita kerap menyediakan latihan dan/atau kesedaran kepada pekerja yang terdedah untuk membantu mereka mengenal pasti dan mencegah amalan antipersaingan.

Kita bersaing secara adil dan jujur untuk mengekalkan persaingan bebas dan tidak terpesong.



PENGAMALAN

Soalan:

Anda menghadiri persidangan perdagangan yang menghimpunkan profesional dalam bidang tersebut. Semasa mesyuarat, seorang peserta menawarkan untuk mendedahkan maklumat mengenai harga atau jumlah pengeluaran. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Hentikan perbincangan, jelaskan bahawa kita tidak terlibat dalam pertukaran maklumat sensitif, dan tinggalkan mesyuarat. Pastikan perkara tersebut didokumenkan. Jika anda tidak pasti, cadangkan untuk menangguhkan perbualan seketika sementara anda mendapatkan nasihat dari Jabatan Perundangan atau Jabatan Etika, Pematuhan & Privasi.

Soalan:

Seorang pesaing mencadangkan agar anda menumpukan semua usaha komersial di Amerika, sementara mereka menumpukan semua usaha mereka di Asia. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Tindakan tersebut merupakan pembahagian pasaran. Terlibat dalam peruntukan pasaran adalah menyalahi undang-undang, antipersaingan dan melanggar dasar ST. Tolak permintaan tersebut dan laporkan insiden keluar Talian Penting Etika.

4. Kita menghormati orang dan menjaga alam sekitar

4.1. Kita menghormati semua individu

Kita berusaha memupuk persekitaran kerja yang penuh hormat dan inklusif yang membolehkan setiap orang berasa selamat dan dihargai, membolehkan mereka menyumbang sepenuhnya. Setiap individu berhak dilayan dengan maruah dan rasa hormat. Kita berkelakuan dengan keterbukaan, rasa hormat dan kesederhanaan, membina hubungan yang dipercayai.

Kita menentang sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan (sama ada lisan, moral atau seksual), ugutan, ancaman, penghinaan dan keganasan. Kita memperlakukan semua orang dengan adil dan saksama tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit, etnik, jantina, umur, kewarganegaraan, pendapat politik, keanggotaan kesatuan, situasi keluarga, orientasi seksual, kecacatan, cabaran fizikal atau ciri-ciri lain. Kita menghargai kualiti unik setiap individu. Kita bekerjasama, menggalakkan sumbangan, dan membangunkan pekerja kita melalui kerja berpasukan, pendedahan dan latihan. Kita menyasarkan pembelajaran dan penambahbaikan berterusan.


- **Rasa hormat** merupakan pengiktirafan dan pertimbangan terhadap orang lain. Rasa hormat melibatkan layanan terhadap orang dengan pertimbangan, kesopanan, kesediaan mendengar, dan kesaksamaan.
- **Layanan adil dan sama rata** merujuk kepada memastikan semua interaksi berlaku secara saksama dan berasaskan prinsip keadilan, bebas daripada berat sebelah dan prasangka. Perkara tersebut melibatkan perlakuan terhadap semua orang secara tidak berat sebelah.
- **Diskriminasi** bermaksud memperlakukan seseorang secara tidak adil berdasarkan identiti mereka. Diskriminasi boleh bersifat sengaja atau tidak sengaja dan termasuk tindakan atau keputusan yang merugikan individu berdasarkan ciri yang dilindungi. Diskriminasi tidak dibenarkan di bawah undang-undang atau dasar kita. Diskriminasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk pendapat yang telah terbentuk, pengecualian, penafian peluang, bahaya dan pembuatan keputusan berat sebelah. Kita tidak bertolak ansur dengan tingkah laku sedemikian di ST.
- **Gangguan** merujuk kepada pelbagai tingkah laku yang tidak diingini, menyinggung dan bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang mengugut, bermusuhan atau menyinggung perasaan. Gangguan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk penderaan lisan, fizikal, dan psikologi (contohnya, buli, “jenaka”, ugutan, penghinaan). Tingkah laku sedemikian tidak diterima di ST.
- **Gangguan seksual** merujuk kepada rayuan seksual yang tidak diingini, permintaan aktiviti seksual dan kelakuan lain (lisan atau fizikal) yang bersifat seksual. Tingkah laku sedemikian tidak diterima di ST.

Kita berusaha memupuk persekitaran kerja yang penuh hormat dan inklusif yang membolehkan setiap orang berasa selamat dan dihargai, membolehkan mereka menyumbang sepenuhnya.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN

- Kita memperlakukan semua orang dengan rasa hormat, maruah dan kesaksamaan.
- Kita memupuk persekitaran kerja yang selamat.
- Kita menggalakkan komunikasi terbuka, maklum balas berterusan dan perkongsian idea.
- Kita menyokong kepelbagaian dan keterangkuman dalam semua aspek kerja kita.
- Kita memperkasa pekerja kita dengan menyediakan latihan dan/atau kesedaran, serta sumber yang diperlukan.
- Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas.
- Kita mendengar dengan penuh perhatian.



PENGAMALAN

Soalan:

Anda perasan bahawa beberapa rakan sekerja kerap mengecualikan seorang ahli pasukan daripada perbualan, menolak idea mereka, dan tidak melibatkan mereka dalam semua aktiviti kumpulan. Akibatnya, suasana kerja menjadi tegang dan tidak menyenangkan. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Jangan abaikan tingkah laku tersebut. Apabila rakan sekerja mengecualikan atau melemahkan seseorang, perkara tersebut boleh mewujudkan persekitaran kerja toksik yang boleh dikategorikan sebagai gangguan atau diskriminasi. Tindakan sedemikian membahayakan individu yang terlibat dan keseluruhan pasukan. Laporkan tingkah laku tersebut kepada Talian Penting Etika supaya situasi dapat dinilai dengan sewajarnya. Semua orang berhak mendapat rasa hormat dan sokongan di tempat kerja, dan memupuk suasana inklusif dan positif adalah tanggungjawab bersama.

Soalan:

Seorang pekerja baharu dalam pasukan anda membuat jenaka yang menyinggung perasaan mengenai jantina, bangsa, politik, atau agama di kawasan mesin kopi. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Pekerja baharu tersebut mewujudkan persekitaran kerja yang tidak selesa, tidak menghormati rakan sekerja dan tidak mengikuti Tatakelakuan kita. Bincangkan situasi tersebut dengan pengurus atau HR anda. Sebagai alternatif, laporkan tingkah laku tersebut kepada Talian Penting Etika.

4.2. Kita mengutamakan kesihatan dan keselamatan

Kita mengutamakan kesihatan dan keselamatan serta mengiktiraf tanggungjawab untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin kepada semua orang yang bekerja di/untuk ST. Kita mengambil semua langkah munasabah untuk mengekalkan keselamatan pekerja dan menghapuskan punca berpotensi kemalangan atau kecederaan tempat kerja, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai di negara tempat kita beroperasi.

Kita tidak berkompromi mengenai keselamatan. Kita berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua tenaga kerja kita di semua tapak kita di seluruh dunia, bagi mencegah kecederaan dan penyakit pekerjaan berkaitan kerja. Kita percaya adalah penting untuk melabur dalam penjagaan kesihatan dan kesejahteraan tenaga kerja kita bagi mewujudkan persekitaran kerja yang positif dan produktif.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk dasar Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan kita.


Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita melaksanakan program keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan.
- Kita memastikan persekitaran kerja dengan piawaian yang tinggi.
- Kita menggalakkan penambahbaikan berterusan dan kewaspadaan bersama.
- Kita menggalakkan komunikasi terbuka berkaitan kebimbangan kesihatan dan keselamatan.
- Kita memulihkan sebarang isu keselamatan yang dikenal pasti.

Kita berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk tenaga kerja kita di semua tapak kita di seluruh dunia.



Kita tidak berkompromi mengenai keselamatan.

PENGAMALAN

Soalan:

Pasukan anda berusaha keras untuk memenuhi tarikh akhir pesanan pelanggan. Ketika semua orang bekerja keras memasang mesin dan peralatan, anda menyedari bahawa peralatan yang perlu digunakan (dan telah diperiksa sebelum penggunaan) berada dalam keadaan berisiko. Menghentikan kerja untuk membaiki isu tersebut bermakna pemasangan perlu dihentikan buat sementara waktu dan berkemungkinan menyebabkan tarikh akhir pelanggan terlepas. Anda memutuskan untuk menghentikan aktiviti bagi membaiki isu tersebut. Adakah anda melakukan perkara yang betul?

Jawapan:

Ya, anda telah melakukan perkara yang betul. Keselamatan mesti sentiasa menjadi keutamaan utama anda. Memenuhi pesanan atau tarikh akhir tidak pernah berbaloi untuk mengorbankan kesihatan atau mengambil risiko kemalangan. Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat.

Soalan:

Seorang ahli pasukan secara konsisten bekerja dalam tempoh yang panjang tanpa berehat, dan anda bimbang tentang kesihatan mereka. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Galakkan rakan sekerja anda untuk mengambil rehat secara berkala dan kongsikan kebimbangan anda dengan pengurus atau HR anda. Menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan yang sihat penting untuk kesejahteraan serta produktiviti.

4.3. Kita menggalakkan Hak Asasi Manusia

Kita menghormati dan menggalakkan Hak Asasi Manusia[1] walau di mana jua kita beroperasi, untuk semua individu, memastikan kelakuan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab sepanjang aktiviti kita. Kita menghormati maruah setiap individu. Kita mengharapkan rakan perniagaan kita, seperti pembekal, subkontraktor, dan pengedar, mematuhi piawaian yang sama dalam amalan perniagaan serta tingkah laku individu. Kita bekerjasama dan berurusan dengan organisasi yang berkongsi piawaian kita dalam mematuhi dan menghormati Hak Asasi Manusia.

- **Larangan buruh kanak-kanak** – kita melarang buruh kanak-kanak, selaras dengan undang-undang yang terpakai dan Hak Asasi Manusia.
- **Larangan buruh paksa** – kita memastikan semua kerja secara sukarela dan bebas daripada paksaan, melarang amalan seperti ikatan hutang, pemerdagangan manusia, dan perhambaan.
- **Gaji dan faedah yang mencukupi** – kita memastikan pekerja menerima pampasan yang saksama bagi kerja mereka, yang disemak dan diselaraskan secara berkala untuk mencerminkan perubahan dalam kos sara hidup dan keadaan ekonomi.
- **Organisasi waktu kerja yang bertanggungjawab –** kita mengekalkan waktu kerja yang munasabah dan rehat yang mencukupi, mematuhi undang-undang yang terpakai dan piawaian industri.
- **Keadaan kerja** – kita menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk kesejahteraan pekerja dengan melaksanakan langkah-langkah bagi mencegah kemalangan dan kecederaan tempat kerja.
- **Kebebasan berpersatuan** – pekerja bebas untuk menyertai atau membentuk kumpulan, seperti kesatuan, untuk memperjuangkan kepentingan mereka, melindungi hak mereka untuk perundingan kolektif dan perhimpunan aman tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

ST komited untuk menangani sebarang kesan negatif terhadap Hak Asasi Manusia yang berpunca daripada operasinya, memastikan akauntabiliti, dan memupuk kepercayaan pihak berkepentingan, termasuk komuniti setempat. endekatan ST merangkumi pengesahan menyeluruh, komunikasi telus, dan kerjasama dengan pihak berkaitan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dan mencegah sebarang kejadian pada masa hadapan. Kita sentiasa membangunkan dan melaksanakan langkah bagi mencegah, mengurangkan atau menangani sebarang kesan negatif sebenar atau berpotensi terhadap tenaga kerja kita yang mungkin telah kita sebabkan atau sumbangkan.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk prosedur Hak Asasi Manusia kita.



1 Menerapkan Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia, Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, konvensyen asas Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Deklarasi mereka mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja, Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional, dan Perjanjian Global PBB.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN

- Kita menghormati dan mempromosikan Hak Asasi Manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa[1] dalam semua aspek operasi dan hubungan perniagaan kita serta mengambil langkah yang sesuai untuk menangani sebarang kesan buruk yang kita sebabkan atau sumbangkan, termasuk menyediakan pemulihan apabila diperlukan.
- Kita bekerjasama dengan organisasi yang menjunjung piawaian Hak Asasi Manusia yang sama seperti yang kita patuhi.
- Kita kerap mengaudit pihak ketiga kita untuk memastikan mereka menjunjung piawaian Hak Asasi Manusia kita.



PENGAMALAN

Soalan:
Anda merupakan sebahagian daripada pasukan perolehan dan, semasa proses pengenalan, mendapati bahawa bakal pembekal pernah disabitkan menggunakan buruh kanak-kanak. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:
Hentikan sebarang rundingan dengan pembekal, tandakan pembekal sebagai ditolak dalam alat usaha wajar kita, dan tolak permintaan penciptaan pembekal atas sebab etika. Kita mesti memastikan semua rakan perniagaan kita mematuhi piawaian Hak Asasi Manusia kita, dan kita lebih rela tidak menjalankan perniagaan dengan mereka daripada berkompromi mengenai piawaian tersebut.

Soalan:
Anda sedang bekerja dengan kontraktor pihak ketiga dan mendapati pekerja mereka tidak disediakan dengan peralatan keselamatan yang mencukupi. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:
Anda harus membangkitkan kebimbangan ini secara rasmi dengan kontraktor dan melaporkan isu tersebut melalui Talian Penting Etika. Kontraktor bertanggungjawab memastikan keadaan kerja yang selamat di tapak mereka, kerana penting bagi rakan perniagaan kita untuk menjunjung piawaian Hak Asasi Manusia yang sama seperti yang kita patuhi.

Kita menghormati dan mempromosikan Hak Asasi Manusia walau di mana jua kita beroperasi, untuk semua individu, memastikan kelakuan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab sepanjang aktiviti kita.

4.4. Kita menjaga alam sekitar

Kita menyediakan penyelesaian semikonduktor yang menyokong usaha menangani cabaran alam sekitar. Kita percaya industri semikonduktor memainkan peranan utama sebagai pemboleh strategik masyarakat rendah karbon. Sebagai sebahagian daripada cadangan nilai kita, kita bertujuan untuk mereka bentuk dan mengeluarkan produk yang cekap tenaga dan menyokong pelanggan kita dalam membangunkan teknologi dengan jejak karbon rendah.

Kita komited untuk menguruskan operasi perniagaan kita secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Pada masa yang sama, operasi pembuatan kita memerlukan air, tenaga dan bahan kimia, dan boleh memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Meminimumkan jejak alam sekitar keseluruhan kita merupakan keutamaan ST.

Kita komited terhadap penyahkarbonan operasi sendiri dan rantaian bekalan kita.

Kita berusaha melaksanakan penyelesaian untuk mengurangkan penggunaan dan pengekstrakan air, dengan kerjasama rapat pelbagai pihak berkepentingan dalam komuniti tempatan tempat kita beroperasi. Pendekatan pengurusan air kita merangkumi penilaian tekanan air, program pemuliharaan, kecekapan air, dan rawatan air sisa.

Kita berusaha mengurangkan sisa dengan meminimumkan penggunaan sumber, mengitar semula, dan melaksanakan program ekonomi pekeliling. Keutamaan kita ialah mengurangkan sisa, menyediakan untuk kegunaan semula dan mengitar semula serta kita menganggap tapak pelupusan atau pembakaran sebagai pilihan terakhir.

Kita menguruskan bahan kimia dan bahan yang digunakan sepanjang operasi dengan teliti. Perkara tersebut membolehkan kita memantau dan menangani kesan operasi kita terhadap orang dan alam sekitar, serta bagi mematuhi keperluan undang-undang dan pelanggan.

Kita menilai sebarang risiko atau kesan negatif alam sekitar dalam operasi dan rantaian bekalan kita, dan mengambil tindakan untuk mengurangkan atau menghapuskannya.

Kita berunding dan melibatkan pihak berkepentingan mengenai cabaran dan peluang alam sekitar, termasuk pelanggan, pekerja, rakan kongsi atau komuniti yang terlibat dalam operasi kita.

Kita melaporkan secara telus risiko dan kesan negatif alam sekitar dalam laporan tahunan kita.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk dasar Alam Sekitar Global kita.



Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita berinteraksi secara berkala dengan pihak berkepentingan mengenai isu alam sekitar melalui pendekatan yang berteraskan rasa hormat dan kepercayaan.
- Kita menjalankan audit serta penilaian alam sekitar secara berkala bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan dan piawaian alam sekitar tempatan.
- Kita melaksanakan penilaian kitaran hayat apabila relevan untuk memahami kesan produk kita.
- Kita sedang bergerak ke arah pelaksanaan pelan peralihan iklim selaras dengan piawaian Eropah.
- Kita mengitar semula air, melaksanakan inisiatif penjimatan air dan memantau keberkesanan rawatan.
- Kita menggalakkan kecekapan penggunaan sumber, amalan kitar semula dan penggunaan semula bahan bagi menyokong ekonomi pekeliling.
- Kita menggantikan serta meminimumkan penggunaan bahan berbahaya dan logam berat apabila sesuai.

Kita percaya industri semikonduktor memainkan peranan utama sebagai pemboleh strategik ke arah masyarakat rendah karbon.



PENGAMALAN



Soalan:
Semasa penglibatan dengan pembekal, anda mendapati bahawa pembekal berada pada peringkat awal pembangunan inisiatif pengurangan gas rumah hijau. Bagaimanakah anda harus meneruskan?

Jawapan:
Bekerjasama dengan pembekal untuk berkongsi matlamat neutraliti karbon ST serta menggalakkan kemajuan dalam pengurangan pelepasan. ST menghargai pembinaan perkongsian jangka panjang dengan pembekal yang komited terhadap penambahbaikan alam sekitar secara berterusan. Menyokong pembekal sepanjang usaha tersebut membantu kita secara kolektif memajukan objektif kelestarian.

Soalan:
Anda mendapati bahawa penggunaan air kelihatan lebih tinggi daripada kebiasaan atau mengesyaki kemungkinan berlakunya kebocoran air. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:
Segera laporkan pemerhatian atau sebarang kebocoran air yang disyaki kepada pengurus tapak. Dasar Air Global ST menggalakkan pemantauan dan penilaian berkala terhadap aliran serta imbangan air bagi mengoptimumkan penggunaan air dan meminimumkan kesan alam sekitar. Pemberitahuan awal membolehkan tapak mengambil tindakan pembetulan tepat pada masanya dan menyokong komitmen kita terhadap pengurusan air yang bertanggungjawab.

5. Kita melindungi data, maklumat dan aset kita

5.1. Aset dan maklumat sulit

Melindungi aset dan maklumat sulit kita merupakan asas kepada kejayaan dan reputasi kita. Tanggungjawab ini terletak pada setiap pekerja, kerana bersama-sama kita melindungi bukan sahaja kepentingan perniagaan, tetapi juga kepercayaan yang diberikan oleh pelanggan, rakan kongsi, dan pihak berkepentingan di seluruh dunia.

Aset paling berharga kita merangkumi data dan maklumat yang merupakan hak milik ST, yang mungkin sulit atau rahsia; aset fizikal seperti pelayan, komputer dan telefon Syarikat; serta sistem dan infrastruktur kritikal yang menyokong operasi perniagaan kita. Setiap daripada aset ini memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan berterusan kita dan mesti dilindungi dengan sewajarnya.

Pendedahan, akses, atau kecurian aset tanpa kebenaran boleh menimbulkan risiko serius terhadap kejayaan kita. Selain daripada kerugian kewangan segera, insiden sebegini mungkin menjejaskan kedudukan daya saing, merosakkan hubungan perniagaan kita, menghakis keyakinan pihak berkepentingan, dan mengancam peluang pertumbuhan jangka panjang. Setiap pelanggaran berpotensi meruntuhkan kepercayaan yang telah diberikan pihak berkepentingan kepada kita, menimbulkan kerosakan berpanjangan yang melebihi kesan kewangan.

Sepanjang tempoh pekerjaan, pekerja tidak dapat dielakkan akan menerima, terdedah kepada, mengakses, dan/atau mengendalikan maklumat sulit, peribadi, dan hak milik ST, pelanggan, rakan perniagaan, serta pekerja lain. Pekerja mempunyai kewajipan kesetiaan dan kerahsiaan terhadap Syarikat dan mesti sentiasa melindungi maklumat tersebut.

Setiap pekerja mempunyai kewajipan untuk melindungi dan mengekalkan kerahsiaan. Kita semua menyumbang kepada pertahanan keselamatan siber kita dengan mengikuti proses yang ditetapkan seperti memilih kata laluan yang kukuh dan melindunginya, mengaktifkan pengesahan dua faktor, menggunakan hanya alat yang dibenarkan, mengunci skrin apabila meninggalkan stesen kerja tanpa pengawasan, dan memusnahkan dokumen sulit apabila tidak diperlukan lagi. Kita mesti sentiasa menyimpan dokumen ST pada penyelesaian atau peranti penyimpanan Syarikat, bukan pada peranti peribadi atau penyelesaian dalam talian peribadi. Komputer riba atau telefon tidak boleh ditinggalkan tanpa pengawasan, sama ada di restoran, lapangan terbang dan pesawat, stesen dan kereta api, atau mana-mana ruang awam atau cara pengangkutan lain.

Kita mengekalkan meja yang bersih daripada dokumen sensitif, mengelak daripada berkongsi maklumat sulit melainkan perlu, dan beroperasi dengan ketat atas dasar perlu tahu sahaja. Kita kekal berwaspada terhadap ancaman siber yang boleh menjejaskan data Syarikat dan peribadi, termasuk serangan pancingan data, perisian hasad, perisian tebusan, pelanggaran data, dan percubaan kejuruteraan sosial.

Kita melindungi maklumat sulit pada setiap peringkat proses kita.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita menggunakan aset dan maklumat ST secara bertanggungjawab dan hanya untuk tujuan perniagaan yang sah.
- Kita melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan atau potensi pelanggaran keselamatan, termasuk kehilangan, penyalahgunaan, atau kecurian sebarang peralatan.
- Kita menetapkan dan melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi aset dan maklumat digital daripada ancaman siber, yang mesti dipatuhi oleh semua pekerja.
- Kita menyediakan pekerja dengan sesi latihan dan kesedaran tentang amalan terbaik, proses, dan pengesanan ancaman siber.

Melindungi aset dan maklumat sulit kita merupakan asas kepada kejayaan dan reputasi kita.

PENGAMALAN



Soalan:

Anda perlu berhenti sekejap selama 5 minit untuk mengambil beberapa keperluan asas dan membawa komputer riba ST (atau peranti lain yang disediakan oleh ST) bersama anda. Anda sedang mempertimbangkan untuk meninggalkannya di dalam kereta semasa perhentian singkat ini. Adakah keputusan ini selamat?

Jawapan:

Tidak, anda tidak sepatutnya meninggalkan PC ST anda (atau mana-mana peranti lain yang disediakan oleh ST) di dalam kereta, walaupun untuk perhentian ringkas 5 minit. Meninggalkannya tanpa pengawasan, walaupun untuk tempoh yang singkat, menimbulkan risiko besar kecurian atau akses tanpa kebenaran. Sebaliknya, bawa peranti ST anda bersama anda untuk memastikan peranti kekal selamat dan sentiasa dilindungi. Sentiasa utamakan keselamatan aset Syarikat dan maklumat sulit.

Soalan:

Anda sedang bekerja pada fail penting yang merangkumi maklumat sulit. Anda mempertimbangkan untuk menyalin maklumat itu ke GoogleDrive peribadi anda atau mana-mana perkhidmatan dalam talian lain menggunakan akaun peribadi anda.

Jawapan:

Anda tidak dibenarkan menyalin sebarang maklumat Syarikat ke perkhidmatan dalam talian yang digunakan secara peribadi. Tiada keperluan untuk membuat sandaran data pada akaun peribadi anda, kerana semua data disimpan dalam repositori Syarikat yang dikongsi (seperti O365 Teams).

5.2. Privasi Data

Melindungi data peribadi pekerja, rakan perniagaan, pelanggan dan pengguna kita merupakan tanggungjawab bersama.

Perlindungan data peribadi merangkumi pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, dan penjagaan data dengan betul untuk memastikan keselamatan serta penggunaan yang sesuai.

Data peribadi merujuk kepada data dalam format elektronik atau fizikal yang boleh mengenal pasti individu secara langsung atau tidak langsung seperti pengenalan umum dan butiran hubungan (contohnya, nama, e-mel, nombor telefon, alamat), nombor pengenalan yang dikeluarkan kerajaan (contohnya, kad pengenalan, pasport), maklumat kewangan (contohnya, kad kredit, nombor akaun bank), pengecam teknikal (contohnya, ID kebangsaan, ID peranti, geolokasi), dan pengecam biometrik (contohnya, geometri muka, cap jari).

Melindungi data peribadi adalah asas untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan. Sebarang penyalahgunaan atau pelanggaran maklumat tersebut bukan sahaja boleh menjejaskan reputasi kita, malah juga boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang ketara, penalti kawal selia, dan akibat undang-undang.

Kita mengakui bahawa amalan perlindungan data peribadi yang kukuh adalah penting, bukan sahaja sebagai tanggungjawab, tetapi juga sebagai komponen kritikal integriti perniagaan dan kejayaan jangka panjang kita. Oleh itu, kita mengendalikan semua data peribadi dengan penuh penjagaan, ketelusan, dan pematuhan terhadap undang-undang yang terpakai serta piawaian industri terbaik.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk dasar Privasi kita.



Amalan perlindungan data peribadi yang kukuh adalah penting, bukan sahaja sebagai tanggungjawab, tetapi juga sebagai komponen kritikal integriti perniagaan dan kejayaan jangka panjang kita.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita mengehadkan pengumpulan dan penggunaan data – kita hanya mengumpul dan menggunakan data peribadi setakat yang diperlukan dan menyediakan maklumat yang jelas serta telus mengenai amalan data kita
- Kita meminimumkan pengekalan data – kita mengekalkan data peribadi dalam Syarikat dan dengan pihak ketiga hanya selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan perniagaan yang sah atau mematuhi kewajipan undang-undang.
- Kita memastikan keselamatan dan akauntabiliti – kita melaksanakan langkah keselamatan yang kukuh untuk melindungi data peribadi dan mengekalkan akauntabiliti sepanjang kitaran hayatnya.

Melindungi data peribadi pekerja, rakan perniagaan, pelanggan dan pengguna kita merupakan tanggungjawab bersama.



PENGAMALAN



Soalan:
Anda ingin menganjurkan acara bersama pelanggan dan beberapa pekerja, dan bercadang untuk menjemput jurugambar hadir. Apakah perkara yang perlu anda beri perhatian?

Jawapan:
Antara kewajipan lain, peruntukan perlindungan data mewajibkan individu memberikan persetujuan sebelum data peribadi mereka dikumpul, digunakan, atau didedahkan.

Soalan:
Anda bekerja di jabatan yang mempunyai akses kepada data pekerja dan menerima permintaan daripada pihak luar untuk mendapatkan akses kepada data peribadi seorang pekerja. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:
Melindungi data peribadi dan mengehadkan akses berdasarkan keperluan sahaja adalah penting untuk mengekalkan privasi dan mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi. Sebarang permintaan dari pihak luar mesti dinilai dengan teliti dan dikendalikan mengikut dasar syarikat serta peraturan yang terpakai.

5.3. Penggunaan media sosial

Kita mengekalkan profesionalisme dalam semua interaksi di media sosial serta melindungi reputasi ST dan maklumat sulit. Kita mewakili diri kita secara autentik sambil menghormati sempadan profesional.

Kita sedar akan jejak digital kita – segala yang kita siarkan dalam talian boleh dikongsi dan dicari tanpa had masa. Apabila membincangkan hal Syarikat, kita menyatakan dengan jelas bahawa pandangan kita bersifat peribadi melainkan diberi kuasa khusus untuk bercakap bagi pihak ST.

Kita tidak pernah berkongsi maklumat sulit atau hak milik di platform media sosial atau di mana-mana sahaja di internet. Kita sentiasa mengesahkan maklumat sebelum berkongsi untuk mengelakkan penyebaran maklumat salah. Kita menghormati hak harta intelek dan mendapatkan kebenaran daripada individu yang dipaparkan dalam foto sebelum menerbitkannya dalam talian. Kita maklum bahawa walaupun akaun peribadi boleh mencerminkan Syarikat, kita mengekalkan piawaian profesional secara konsisten.

Kita menghormati rakan sekerja, pesaing, dan rakan kongsi dalam semua interaksi dalam talian. Apabila dikenali sebagai pekerja ST, kita mengelak daripada berkongsi pendapat peribadi mengenai topik kontroversi, hal politik, atau isu industri yang sensitif. Apabila terlibat dalam perbincangan, kita memberi tumpuan kepada dialog membina dan bukannya kritikan.

Kita bertanggungjawab terhadap aktiviti dalam talian kita dan mengambil kira kesan berpotensi terhadap ST serta pihak berkepentingannya. Jika kita tidak pasti untuk menyiarkan sesuatu kandungan, kita mendapatkan nasihat dan kebenaran daripada jabatan Pemasaran & Komunikasi Bersepadu sebelum meneruskan.

Untuk panduan lanjut, sila rujuk prosedur Media Sosial kita.


Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kami melindungi maklumat sulit dan proprietari ST dengan tidak berkongsi maklumat tersebut di media sosial atau di internet.
- Kita menggunakan platform media sosial untuk berkomunikasi secara profesional dan penuh hormat.
- Kita mendapatkan kebenaran sebelum membuat kenyataan bagi pihak ST.

Kita mengekalkan profesionalisme dalam semua interaksi di media sosial serta melindungi reputasi ST dan maklumat sulit.



Kita menggunakan platform media sosial untuk berkomunikasi secara profesional dan penuh hormat.

PENGAMALAN

Soalan:

Anda perasan seorang rakan sekerja telah menyiarkan komen pada profil media sosial peribadi mereka yang kelihatan mewakili kedudukan rasmi ST mengenai pelancaran produk terkini, tetapi anda tahu mereka tidak mempunyai kuasa untuk bercakap bagi pihak Syarikat. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Hanya individu yang diberi kuasa dibenarkan berkomunikasi secara luaran bagi pihak ST. Anda harus mengingatkan rakan sekerja bahawa pandangan peribadi mesti dibezakan dengan jelas daripada kenyataan rasmi Syarikat, contohnya dengan memasukkan penafian seperti “Pandangan ini adalah pandangan peribadi dan tidak mewakili pendirian ST.” Jika siaran tersebut boleh menyebabkan kekeliruan atau memberikan gambaran yang tidak tepat tentang ST, galakkan mereka untuk membuang atau membetulkannya dan laporkan situasi kepada Pemasaran & Komunikasi Bersepadu jika perlu. Langkah tersebut bertujuan melindungi reputasi ST.

Soalan:

Anda perasan seorang rakan sekerja telah menyiarkan butiran projek sensitif pada profil LinkedIn mereka. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Anda perlu mengambil tangkapan skrin dan segera melaporkan insiden tersebut kepada Talian Etika. Melindungi maklumat sulit adalah penting untuk mengekalkan kelebihan berdaya saing dan kepercayaan terhadap Syarikat.


5.4. Kecerdasan buatan

Kita berusaha memastikan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) yang beretika dan bertanggungjawab dalam semua operasi kita, dengan pendekatan yang menghormati hak asasi manusia, privasi, kerahsiaan dan kesaksamaan.

Penggunaan AI secara beretika merangkumi pembangunan, penggunaan dan/atau pelaksanaan teknologi AI secara telus dan bertanggungjawab, selaras dengan prinsip etika kita serta keperluan kawal selia yang berkenaan.

Kita hanya menggunakan alat AI yang disahkan secara dalaman bagi memastikan garis panduan dalaman kita berkaitan kebolehpercayaan, keselamatan, dan pertimbangan etika dipatuhi.

Kita komited untuk memanfaatkan kuasa AI bagi menambah baik operasi kita, sambil memastikan penggunaannya selaras dengan nilai teras serta piawaian etika kita. Kita berhasrat untuk memupuk kepercayaan dan integriti dalam semua inisiatif berasaskan AI kita, memastikan inisiatif menyumbang secara positif kepada misi kita dan komuniti yang kita layani.



Kita komited untuk memanfaatkan kuasa AI bagi menambah baik operasi kita, sambil memastikan penggunaannya selaras dengan nilai teras serta piawaian etika kita.

Contoh pelaksanaan integriti dalam amalan kita

APA YANG KITA LAKUKAN



- Kita memastikan ketelusan dan kebolehjelasan dengan menjadikan sistem AI dan proses membuat keputusannya boleh difahami dan diakses oleh pengguna.
- Kita mempromosikan sistem AI yang mengiktiraf kesaksamaan dan tidak berat sebelah merentas semua bidang aplikasi mereka.
- Kita mempertanggungjawabkan pembangun dan pengguna sistem AI atas tindakan dan keputusan mereka.
- Kita melindungi kerahsiaan dengan menggunakan AI secara bertanggungjawab, memastikan semua data yang diproses diurus dengan tahap kerahsiaan tertinggi untuk melindungi privasi dan keselamatan operasi perniagaan, pelanggan, dan pihak berkepentingan kita.
- Kita menghormati privasi, melindungi data peribadi dan privasi individu dalam semua aplikasi AI.
- Kita memastikan pertimbangan dan pengawasan manusia sebahagian daripada setiap proses membuat keputusan berasaskan AI yang kita gunakan secara dalaman. Memandangkan sistem AI semakin mampu melakukan tindakan secara autonomi merentas pelbagai domain, ST bekerjasama dengan klien untuk mentakrifkan kes penggunaan semasa fasa reka bentuk, memastikan manusia boleh mengambil alih kawalan sistem apabila perlu.
- Kita memupuk kerjasama dan penglibatan dengan pihak berkepentingan, termasuk pelanggan, rakan kongsi dan badan kawal selia dengan terlibat secara aktif untuk memastikan amalan AI kita selaras dengan jangkaan masyarakat dan keperluan undang-undang.

PENGAMALAN



Soalan:

Anda perlu memahami dengan lebih baik demografi pangkalan pelanggan kita dan ingin memasukkan beberapa data pelanggan ke dalam alat GenAI awam dan memintanya mengenal pasti beberapa corak untuk anda. Adakah tindakan ini dibenarkan?

Jawapan:

Memasukkan Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) ke dalam alat GenAI awam boleh mengakibatkan pelanggaran data, kerana maklumat itu boleh diakses oleh individu di luar Syarikat kita. PII tidak boleh dimasukkan ke dalam alat GenAI awam. Maklumat bukan awam atau sulit yang anda mungkin pegang tentang Syarikat / pelanggan pihak ketiga tidak boleh dimasukkan ke dalam alat GenAI awam kerana boleh mengakibatkan pelanggaran janji kerahsiaan.

Soalan:

Sistem AI membuat keputusan secara autonomi yang membawa implikasi ketara terhadap projek. Apakah yang perlu anda lakukan?

Jawapan:

Semak keputusan AI bersama pakar manusia untuk memastikan ketepatan dan kesesuaiannya. Kekalkan keupayaan manusia untuk membatalkan keputusan AI apabila perlu bagi memastikan hasil yang bertanggungjawab dan beretika.

Kita berusaha menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) secara etika dan bertanggungjawab dalam semua operasi kita.

6. Kita berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam segala perkara yang kita lakukan

Kita berusaha mencapai kecemerlangan dalam segala yang kita lakukan. Kejayaan kita dibina atas penubuhan hubungan yang jujur dan dipercayai dengan pihak berkepentingan kita: kita menggalakkan inovasi, mendengar untuk menjangka keperluan masa depan, bersikap fleksibel, membangunkan kompetensi, mengambil tanggungjawab dan bertanggungjawab atas tindakan kita; kita berkomunikasi secara telus dan bertindak dengan disiplin, membuat keputusan berasaskan fakta serta menumpukan perhatian kepada keutamaan.

Kita berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam semua tindakan kita

- **Pelanggan:** Kita komited untuk menjadikan penyelesaian kita yang terbaik, paling selamat dan paling boleh dipercayai di pasaran. Matlamat kita ialah menjadi rakan kongsi yang paling dihargai dan dipercayai pelanggan kita melalui kualiti, kebolehpercayaan dan responsif yang cemerlang. Apabila membuat keputusan berkaitan dengan kualiti produk, pertimbangan utama kita adalah perlindungan pelanggan kita dan keselamatan pengguna menerusi pendedahan berdasarkan fakta, terbuka dan menepati masa kepada pihak-pihak yang sepatutnya.
- **Rakan perniagaan:** Dalam semua hubungan komersial kita dengan pelanggan, pembekal, dan rakan perniagaan lain, kita berusaha untuk membina kerjasama yang dipercayai dan saling menguntungkan. Apabila menjalin hubungan perniagaan, kita mesti memastikan rakan kongsi kita bukan sahaja menghormati dan menyokong nilai dan prinsip kita tetapi juga mematuhi piawaian kelakuan perniagaan beretika yang setanding.
- **Pemegang saham:** Sebagai sebuah korporat, objektif utama kita ialah menjana nilai ekonomi yang mampan untuk semua pihak berkepentingan kita, termasuk pemegang saham. Keuntungan adalah penting untuk memastikan keselamatan dan mewujudkan peluang masa depan bagi semua. Kita bertujuan mencapai matlamat ini dengan memupuk pertumbuhan perniagaan yang mampan, mengurus sumber secara bertanggungjawab, mengekalkan kawalan perbelanjaan, dan berusaha mencapai kecemerlangan dalam pelaksanaan projek.
- **Kerajaan dan komuniti:** Untuk membina kepercayaan dan melindungi reputasi kita, serta menyokong pembuatan keputusan yang seimbang, kita menjalin hubungan yang sihat dengan kerajaan tempatan dan komuniti; Syarikat kita memainkan peranan penting dalam mempromosikan amalan perniagaan yang bertanggungjawab, berasaskan integriti, kepercayaan, dan keterbukaan.

7. Akauntabiliti dan sumber

7.1. Langkah-langkah disiplin

Peruntukan dan prinsip yang terkandung dalam Tatakelakuan adalah mandatori bagi semua pekerja ST. Sebarang pelanggaran Tatakelakuan akan ditangani dengan segera dan sewajarnya dan boleh membawa kepada tindakan tatatertib yang sesuai, selaras dengan undang-undang yang terpakai dan dasar dalaman, termasuk penamatan hubungan kontrak.

7.2. Sumber

Setiap bahagian Dokumen mengandungi panduan mengenai dokumen pelengkap yang perlu dirujuk atau pihak yang perlu dirujuk untuk mendapatkan nasihat. Jika ragu-ragu atau jika anda memerlukan sebarang maklumat tambahan, sila dapatkan panduan daripada Jabatan Etika, Pematuhan & Privasi.

- Intranet Jabatan Etika, Pematuhan & Privasi.
- Untuk senarai dan akses kepada dasar dan prosedur yang berkaitan dengan Tatakelakuan kita, sila lawati versi dalam talian Tatakelakuan.
- Muat turun Aplikasi ST Integrity!

Aplikasi ini menyediakan akses pantas kepada maklumat dan sumber berguna, kuiz menyeronokkan untuk menguji pengetahuan anda, serta berita dan perkembangan terkini mengenai prinsip dan inisiatif etika serta pematuhan di ST.

Maklumat lanjut boleh didapati di sini.

Jabatan Etika, Pematuhan & Privasi

Talian Penting Etika

Muat turun Aplikasi ST Integrity!

Download on the App Store

GET IT ON Google Play



Tatakelakuan

Bersama-sama Membina Kepercayaan

Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan penyelesaian ST, layari www.st.com

© Hak Cipta, STMicroelectronics, [2014-2026]. Semua hak cipta terpelihara.